



**JOURNAL OF TOURISM,  
HOSPITALITY AND  
ENVIRONMENT MANAGEMENT  
(JTHEM)**  
[www.jthem.com](http://www.jthem.com)



**MOBILITI SOSIAL DAN KUALITI HIDUP KOMUNITI  
NELAYAN PULAU: KAJIAN KES DI PULAU AMAN, PULAU  
PINANG**

**SOCIAL MOBILITY AND QUALITY OF LIFE IN ISLAND FISHERMAN  
COMMUNITY: A CASE STUDY IN AMAN ISLAND, PENANG**

Mohd Syariefudin Abdullah<sup>1\*</sup>, Nurul Nadia Mohd Hashim<sup>2</sup>, Siti Aisyah Mohd Zain<sup>3</sup>, Mohd Rahimi Ramli<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: syariefudin@fsk.upsi.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: nurulnadyahashim@gmail.com

<sup>3</sup> Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: aisyah.zin@fsk.upsi.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia.  
Email: rahimiramli@ump.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 15.06.2022

Revised date: 17.08.2022

Accepted date: 30.08.2022

Published date: 09.09.2022

**To cite this document:**

Abdullah, M. S., Hashim, N. N. M., Zain, S. A. M., & Ramli, M. R. (2022). Mobiliti Sosial Dan Kualiti Hidup Komuniti Nelayan Pulau: Kajian Kes Di Pulau Aman, Pulau Pinang. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7 (29), 163-179.

**DOI:** 10.35631/JTHEM.729013.

**Abstrak:**

Mobiliti sosial adalah satu proses perubahan atau pergerakan seseorang atau sesuatu kelompok daripada satu kedudukan kepada kedudukan yang lain dalam sesebuah masyarakat. Kualiti hidup pula merujuk kepada keselesaan hidup dalam persekitaran kehidupan. Artikel ini membincangkan mobiliti sosial dan kualiti hidup dalam kalangan komuniti nelayan pulau di Kampung Pulau Aman, Pulau Pinang. Kajian ini ingin melihat pola mobiliti sosial dan tahap kualiti hidup komuniti nelayan di Kampung Pulau Aman. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan set soalan kepada 52 responden yang terdiri daripada ketua keluarga. Hasil kajian mendapati mobiliti sosial komuniti nelayan Pulau Aman menunjukkan mobiliti sosial menegak dalam semua dimensi yang dikaji, iaitu pendidikan, pekerjaan dan pendapatan. Mobiliti sosial pendidikan menunjukkan peningkatan peratus mobiliti menegak yang paling tinggi. Sementara itu, dalam aspek kualiti hidup pula responden menunjukkan dapatan yang positif kepada semua dimensi yang dikaji dengan nilai min antara 2.72 hingga 4.58 di mana dimensi persekitaran pekerjaan (4.58) adalah mewakili nilai min tertinggi

---

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



sementara dimensi keselamatan awam (2.72) adalah yang paling rendah. Hasil dapatan ini boleh dijadikan panduan kepada pihak berkenaan dalam membaiki kualiti kehidupan masyarakat nelayan Pulau Aman.

#### Kata Kunci:

Mobiliti Sosial, Kualiti Hidup, Komuniti Nelayan Pulau

#### Abstract:

Social mobility is a process of change or movement of a person or a group from one position to another in a society. Quality of life refers to the comfort of living in a living environment. This article examines the social community and quality of life in the island fishing community in Pulau Aman Village in Penang. This study is to examine the pattern of social mobility and the level of quality of life in the fishing community in Pulau Aman. This study uses a quantitative method by distributing a set of questions to 52 respondents consisting of heads of families. The results of the study found that the social mobility of the island fishing community of Pulau Aman showed vertical social mobility in all dimension studied, namely education, employment and income. Educational social mobility showed the highest percentage increase in vertical mobility. Meanwhile, in terms of quality of life, respondents showed positive findings to all dimensions studied with a mean value between 2.72 to 4.58 where the dimension of work environment (4.58) represents the highest mean value while the dimension of public safety (2.72) is the lowest. These findings can be used as a guide to the relevant parties in improving the quality of life of the community in Pulau Aman.

#### Keywords:

Social Mobility, Quality of Life, Island Fishing Community

---

## Pengenalan

Komuniti nelayan begitu sinonim dengan masyarakat yang tinggal di kawasan persisir pantai dan di kawasan pulau kecil. Komuniti nelayan juga merupakan komuniti yang sering dikaitkan dengan usaha penangkapan hasil laut sebagai mata pencarian. Keadaan ini menunjukkan penerusan kelangsungan hidup komuniti ini yang amat signifikan dengan kegiatan ekonomi yang bersumberkan hasil laut. Kebergantungan kepada aktiviti ekonomi ini semata-mata sukar memberi impak keuntungan yang tinggi, ditambah dengan faktor ketidaktentuan hasil tangkapan serta struktur dan corak kerja nelayan itu sendiri (Zainal & Rezal, 2006; Rashid & Ghani, 2007, Jalilah Md Shah & Nor Hafizah Selamat, 2015; Najmin & Azlina, 2021). Hal ini kerana pekerjaan sebagai nelayan sering kali dikaitkan dengan kemiskinan kerana memperoleh pendapatan yang rendah setiap bulan. Siti Rahmah Awang (2004) dalam kajiannya mendapati majoriti nelayan mempunyai latar belakang yang sederhana dengan pendapatan yang diperolehi sekitar RM300 hingga RM500 sebulan. Disebabkan itu, golongan ini diletakkan dalam kalangan kelompok miskin dan seterusnya mempengaruhi kualiti kehidupan mereka. Namun, pembangunan yang berkembang dalam negara juga turut mempengaruhi mobiliti sosial nelayan pulau dan kualiti kehidupan mereka.

## Kajian Literatur

### ***Mobiliti Sosial***

Mobiliti Sosial secara umum adalah pergerakan dalam pendidikan, pendapatan dan pekerjaan yang berlaku antara generasi (*inter generation*) atau dalam generasi tersebut (*intra generation*). Antara kajian peringkat PhD yang mengkaji mobiliti sosial ialah kajian oleh Nor Hayati Sa'at (2011). Kajian beliau adalah berdasarkan kajian dalam kalangan komuniti pesisir pantai di Kuala Terengganu. Kajian ini bertolak daripada pendirian teori bahawa tidak ada satu faktor semata-mata yang boleh menghuraikan mobiliti sosial. Sebaliknya perubahan dalam bentuk mobiliti ini perlu dilihat dalam pendekatan “multi-causal” atau “multi-factoral”. Kajian yang dijalankan melibatkan 300 orang responden serta temu bual dan pemerhatian telah dijalankan dalam komuniti persisir pantai Kuala Terengganu. Terdapat 3 kriteria yang dipilih untuk menjadi responden, iaitu ketua keluarga yang berketurunan nelayan, responden yang tinggal berhampiran pantai dan responden merupakan komuniti terpinggir yang kebanyakannya berada di kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Antara isu pokok yang dikaji ialah kedinamikan mobiliti sosial komuniti persisir yang akan dikaitkan dengan faktor pekerjaan, pendidikan, modal manusia dan lain-lain. Dalam faktor pekerjaan didapati komuniti persisir telah mempelbagaikan pekerjaan dan tidak menjadikan nelayan sebagai pekerjaan utama. Mereka mula beralih kepada sumber pendapatan di daratan seperti buruh, pentadbiran dan perniagaan. Oleh itu, tafsiran lazim yang meletakkan komuniti persisir pantai adalah sinonim dengan nelayan sudah tidak begitu tepat lagi. Hal ini jelas menunjukkan satu transformasi yang besar berlaku dalam komuniti persisir pantai berdasarkan perbandingan yang dijalankan oleh pengkaji.

Nor Anin Haji Idris (2004) dalam kajiannya mendapati dalam 100 orang responden yang ditemu bual terdapat hanya 44 orang peneroka yang mempunyai anak yang telah berhijrah keluar dan bekerja. Oleh sebab itu, analisis mobiliti sosial dilakukan terhadap 91 orang anak peneroka yang telah berhijrah keluar mencari pekerjaan di pelbagai negeri. Hasil kajian mendapati lebih daripada 50 peratus daripada peneroka yang ditemu bual mempunyai pendidikan setakat sekolah rendah sahaja. 14 peratus merupakan kelulusan sijil Rendah Pelajaran (SRP), 29 peratus kelulusan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan 4 peratus peneroka yang tidak bersekolah. Taraf pendidikan yang diterima oleh anak-anak peneroka pula menunjukkan peningkatan dalam peratusan SPM iaitu 58 peratus, SRP dan sekolah rendah pula mengalami penurunan kepada 11 peratus dan 1 peratus. Generasi kedua Felda telah diberi peluang untuk menerima pendidikan yang lebih baik berbanding peneroka. Buktinya terdapat 13.9 peratus anak Felda telah berjaya menyambung pelajaran ke peringkat diploma manakala sebanyak 12.1 peratus di peringkat ijazah. Taraf pendidikan yang tinggi menyebabkan anak-anak peneroka terpaksa keluar dari kawasan tersebut demi mencari pekerjaan yang lebih terjamin dan berpeluang mengalami mobiliti menegak ke atas. Dapat dilihat pendidikan merupakan salah satu faktor yang menentukan berlakunya mobiliti sosial dalam kalangan generasi kedua Felda.

### ***Komuniti Nelayan Pulau***

Menurut Worsley (1977) komuniti merujuk kepada sekelompok manusia mendiami kawasan sama, mempunyai kesefahaman autonomi politik, persahabatan, kepercayaan agama, pelbagai etnik dan kerap ada fungsi atau pekerjaan yang dominan. Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000), ‘nelayan’ bermaksud penangkapan ikan di laut. Nelayan dapat ditafsirkan sebagai

individu atau sekumpulan orang yang turun ke laut tidak kurang dari 120 hari dalam setahun dan mempunyai bot serta mengerjakan sendiri aktiviti penangkapan ikan.

Menurut Portal Rasmi Jabatan Perikanan Malaysia (2018) nelayan adalah merujuk kepada individu atau kumpulan yang mencari pendapatan dengan menjadi penangkap ikan atau hidupan laut seperti udang, ketam, sotong atau rumpai laut. Pada masa ini, di Terengganu pekerjaan nelayan bukan sahaja dikuasai oleh penduduk kampung, tetapi penduduk bandar yang tinggal di kawasan pesisir mula menceburkan diri dalam aktiviti penangkapan ikan di laut (Kamarudin et al., 2017). Sementara komuniti nelayan pulau adalah kelompok nelayan yang berada di pulau-pulau yang terpisah dari tanah besar.

Nelayan dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu nelayan tradisional dan nelayan komersial. Nelayan tradisional selalunya menggunakan kaedah penangkapan yang bercorak tradisional seperti menggunakan jaring atau pukat, bubu dan pancing. Pengoperasian mereka hanya di kawasan pantai yang mana hasil tangkapannya adalah sedikit dan bercorak sara diri. Manakala nelayan komersial pula menggunakan peralatan moden dan canggih seperti pukat yang lebih besar, bot yang berkuasa tinggi yang membolehkan mereka menjalankan penangkapan ke kawasan yang lebih jauh bagi mendapatkan hasil yang lebih banyak (Rozita Khamis, 1996).

Jabatan Perikanan Malaysia membahagikan sektor perikanan laut kepada dua, iaitu sektor perikanan persisiran pantai dan sektor perikanan laut dalam. Berdasarkan Jabatan Perikanan Malaysia, sektor perikanan persisir pantai merupakan jenis perikanan yang terpenting kerana melibatkan ramai nelayan tempatan dan merupakan sumber terbanyak perikanan. Menurut Mohd Noor Mohd Sharif, Jamal Ali dan Badruddin A. Rahman (2007), perikanan persisir pantai dijalankan di kawasan sekitar 30 batu nautika (48 km) dari kawasan persisir pantai dan perikanan moden yang berskala kecil dan menggunakan teknik-teknik serta peralatan yang berintensifkan buruh. Nelayan persisir pantai biasanya menggunakan pukat hanyut, dan jala. Hasil tangkapan utama termasuklah bawal, ikan bilis, udang dan ketam. Kebanyakan nelayan di persisiran pantai adalah berinsentifkan buruh.

Manakala sektor perikanan laut dalam merupakan perikanan moden yang berskala besar, menggunakan teknik-teknik berinsentifkan modal serta bersifat komersial dan meliputi kawasan melebihi 30 batu nautika dari pantai. Peralatan yang digunakan adalah lebih moden berbanding dalam sektor perikanan persisiran pantai seperti pukat tunda. Nelayan laut dalam kebiasaannya berada di laut berminggu-minggu. Nelayan laut dalam menggunakan teknik-teknik pemasaran yang berintensifkan modal serta bersifat komersial. Nelayan ini juga kebiasaannya mempunyai banyak kemudahan atas kapal seperti kemudahan untuk menyimpan dan membeku hasil tangkapan sebelum di bawa pulang. Menurut Mahathir Mohammad (1994), bidang perikanan laut dalam merupakan sumber kekayaan negara dan mempunyai potensi yang besar. Tambahan lagi, Kawasan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia walaupun jauh namun mempunyai potensi yang baik untuk diterokai bagi memenuhi permintaan dalam negeri dan eksport.

Dzuhalimi Dahalan (2012) mengatakan bahawa komuniti nelayan merupakan komuniti sosial yang dikaitkan dengan usaha penangkapan hasil laut sebagai mata pencarian. Kebergantungan pada hasil tangkapan menyebabkan para nelayan banyak menghabiskan masa di laut sehingga beberapa hari lamanya. Hal ini kerana pekerjaan ini sangat dipengaruhi faktor cuaca yang

berlaku. Kebergantungan komuniti nelayan ini terhadap hasil tangkapan laut sebagai punca utama pencarian menunjukkan penerusan kelangsungan hidup komuniti ini yang sama sekali amat signifikan dengan kegiatan ekonomi yang bersumberkan hasil laut.

### **Kualiti Hidup**

Konsep lestari atau mampan selalunya dikaitkan dengan kualiti kehidupan yang merangkumi sistem ekonomi, sosial dan persekitaran bagi menjamin keselesaan hidup dan persekitaran yang sihat dan produktif. Matlamat ini bukan sahaja untuk keperluan generasi masa kini tetapi juga untuk generasi akan datang. Pada asasnya terlalu sukar untuk mengukur kualiti hidup bagi sesebuah komuniti atau bagi seseorang individu itu secara khususnya. Tidak ada satupun kaedah yang dapat merangkumi kepuasan manusia hingga mencapai kualiti hidup yang maksimum. Ada sesetengah pihak yang menggunakan pendekatan Keluaran Negara Kasar (KNK) untuk melihat perkembangan kualiti hidup (Rohana Yusof, 1999). Walau bagaimanapun, Faridatul Azna et al. (2002) menjelaskan wujud kelemahan pada penunjuk seperti KNK dimana ianya merujuk kepada kemajuan ekonomi semata-mata. Hal ini kerana konsep kualiti hidup melibatkan perubahan dalam masyarakat dan sistem sosial daripada keadaan yang dianggap tidak memuaskan kepada keadaan yang lebih baik.

Jabatan Perdana Menteri pula melalui Unit Perancang Ekonomi (1999), mentakrifkan kualiti hidup dalam konteks yang lebih luas dan praktikal serta meliputi segala aktiviti manusia. Kualiti hidup menjurus kepada tahap seseorang mempunyai cara hidup yang sihat, yang merangkumi kebebasan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemajuan diri dan rohani, mempunyai taraf hidup yang melebihi keperluan asas individu, mempunyai persekitaran yang selesa dalam memenuhi keperluan psikologi manusia demi mencapai tahap kesejahteraan sosial dan pembangunan mampan. Justeru, kualiti hidup bukan hanya melibatkan kebendaan tetapi juga meliputi semua aspek yang dapat mempengaruhi kepuasan manusia mengikut ruang dan masa.

Di Malaysia, kualiti hidup ditakrifkan sebagai merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, akses dan kebebasan memperoleh pengetahuan serta taraf kehidupan yang melebihi keperluan asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial setanding dengan aspirasi negara dan juga perubahan masyarakat dan sistem sosial daripada keadaan yang tidak memuaskan kepada keadaan yang lebih baik (Unit Perancang Ekonomi 1999 & 2004).


Kualiti hidup diukur untuk pelbagai tujuan terutamanya berkaitan aspek sosial, ekonomi dan politik. Pendapat Blair (1998) yang mengaitkan pengukuran kualiti hidup menjadi lebih bermakna jika proses penyediaannya dibuat berdasarkan kesepakatan penghuni dalam memberi takrif kehidupan dalam konteks mereka sendiri. Murdie et al. (1992) menjelaskan kualiti hidup bandar adalah berdasarkan lingkungan puas hati. Berpegang kepada konsep ini, mereka menjadikan persepsi dan piawaian perbandingan sebagai asasnya. Hal ini kerana tempat yang berbeza tentunya mempunyai taraf hidup dan persepsi yang berbeza terhadap lingkungan puas hati tersebut. Lingkungan puas hati ini berdasarkan pengalaman hidup, sikap, nilai dan suara hati atau kehendak golongan penduduk berkenaan.

Terdapat tiga pendekatan falsafah penting yang menentukan kualiti hidup. Pertama, ciri kehidupan yang sejahtera (yang ditentukan oleh kebaikan normatif berdasarkan agama, falsafah dan sistem-sistem yang lain. Kedua, berdasarkan kepuasan pilihan (*satisfaction of preferences*)

iaitu memilih perkara yang meningkatkan kualiti hidup di sebalik kekangan sumber (dipengaruhi pemikiran ekonomi). Ketiga, mengikut pengalaman individu, iaitu perspektif kesejahteraan subjektif yang digunakan dalam sains psikologi dan perlakuan (Brock, 1993).

Kualiti hidup melibatkan perubahan dalam masyarakat dan sistem hidup atau sistem sosial daripada satu keadaan yang yang dianggap tidak memuaskan kepada satu keadaan yang lebih baik. Dengan demikian, kualiti hidup terangkum bukan sahaja pembangunan ekonomi malahan juga melibatkan pelbagai aspek tertentu yang tidak dapat dipisahkan seperti aspek sosial, psikologi, kebudayaan, politik dan alam sekitar. Namun begitu, aspek yang paling utama dalam memberi kehidupan yang berkualiti kepada manusia secara khasnya mengandungi empat perkara, iaitu politik, ekonomi, sosial dan pendidikan (Szalai & Andrews, 1980).

Secara umumnya, terdapat kelaziman untuk mengaitkan kualiti hidup dengan infrastruktur sosial dan fizikal yang tersedia di bandar. Pendekatan sebegini melihat penduduk sebagai penerima pasif kualiti hidup yang baik buruknya ditentukan oleh apa yang telah disediakan di kawasan bandar. Diandaikan bahawa sekiranya apa yang tersedia oleh pentadbiran bandar itu baik maka tentunya kualiti hidup itu juga baik. Namun ternyata bahawa infrastruktur yang disediakan memberi kesan yang berbeza. Kualiti hidup menghujahkan bahawa apa yang terangkai sebagai kualiti hidup itu berkait rapat dengan tiga komponen yang menghubungkan penduduk dengan pelbagai aspek utama persekitarannya, iaitu kesediaan diri, persekitaran bandar dan ketersampaian atau akses kepada persekitaran yang disediakan di bandar (Azhan Awang et al., 2006).



**Rajah 1: Komponen, Petunjuk Dan Sub Petunjuk Kualiti Hidup Masyarakat Luar Bandar**

Sumber: Azahan Awang, Malaysian Journal of Environment Management 7 (2006): 19-32.

Kualiti hidup bukan hanya merupakan ukuran terhadap persekitaran yang ada, tetapi juga perlu menilai aspek persekitaran bandar, seperti persekitaran pekerjaan, alam Sekitar dan perumahan. Selain itu, kualiti hidup bukan hanya merupakan ukuran terhadap persekitaran yang ada, tetapi juga perlu menilai aspek kesediaan diri antaranya ialah pendidikan, pendapatan dan pengagihan, kesihatan dan kehidupan keluarga. Seterusnya ialah kualiti hidup dari aspek akses bandar antaranya ialah pengangkutan dan perhubungan keselamatan awam serta penyertaan sosial. Pengkaji juga telah memilih kesemua dimensi di atas dalam menentukan pola kualiti hidup komuniti nelayan di Pulau Aman antaranya ialah persekitaran pekerjaan, alam sekitar, perumahan, pendidikan, pendapatan, kesihatan, kehidupan keluarga, pengangkutan dan perhubungan, keselamatan awam serta penyertaan sosial.

### Metodologi Kajian

Kajian ini juga menggunakan pendekatan kuantitatif melalui borang soal selidik yang di analisis secara deskriptif. Pengumpulan data terbahagi kepada dua kaedah, iaitu data primer

dan data sekunder. Dalam kajian ini seramai 52 orang responden yang terdiri daripada ketua keluarga telah dipilih bagi tujuan persampelan yang terdiri daripada penduduk yang tinggal di Kampung Pulau Aman, Pulau Pinang. Melalui kajian yang dijalankan pengkaji menggunakan persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan ialah persampelan secara tidak rawak kerana memberi tumpuan terhadap ciri-ciri tertentu dan sesuai dengan fokus penyelidikan yang ingin dilakukan. Data dikutip dengan menetapkan responden yang dipilih merupakan ketua keluarga. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), jumlah sampel yang ditentukan untuk komuniti nelayan di Pulau Aman adalah sebanyak 52 sampel berdasarkan saiz ataupun jumlah populasi yang menetap di Pulau Aman, iaitu sebanyak 60 keluarga. Untuk kajian ini pengkaji telah memperoleh 52 responden yang terdiri daripada ketua keluarga. Dalam kajian ini pengkaji hanya memilih ketua keluarga bagi setiap rumah untuk dijadikan responden. Soalan kajian adalah diadaptasi daripada model petunjuk kualiti hidup masyarakat luar bandar yang dibangunkan oleh Azahan Awang (2006).

### **Lokasi Kajian**

Kawasan kajian ini telah dilaksanakan di Kg Pulau Aman, Pualu Pinang. Penduduk di Pulau Aman menjalankan aktiviti perikanan kerana laut di kawasan tersebut merupakan laut lepas. Kawasan laut di sekitar Pulau Aman dan iklim khatulistiwa menggalakkan penduduk menjalankan aktiviti perikanan. Oleh itu, semua faktor tersebut mendorong penduduk menjalankan aktiviti perikanan. Keluasan pulau adalah seluas 116.5 hektar itu, didiami kira-kira 52 keluarga dengan jumlah populasi seramai 246 orang (126 lelaki dan 120 perempuan). Di Pulau Aman juga terdapat 52 buah rumah yang masih kekal. Sementara itu, Penduduk kampung juga masih mencari rezeki di laut bagi menjamin sara hidup harian mereka. 'Setenang' namanya, Pulau Aman adalah satu-satunya kampung nelayan Melayu tradisional yang masih kekal keasliannya hingga ke hari ini. Keadaan Kawasan pulau adalah sebagaimana Rajah 2 di bawah.



**Rajah 2: Lokasi Perumahan di Pulau Aman**


Peta di atas (Rajah 2) menunjukkan kawasan perumahan responden di tengah-tengah pulau. Terdapat 52 buah rumah yang dihuni oleh keluarga serta kemudahan-kemudahan yang lain yang telah disediakan seperti restoran, chalet, dewan, surau, sekolah dan banyak lagi.

## Dapatan Kajian

### Profil Responden

#### Umur Responden

Rajah 3 menunjukkan jumlah responden mengikut umur. Responden yang dipilih terdiri daripada 52 orang ketua keluarga yang merupakan penduduk yang menetap di Pulau Aman. Analisis dapatan menunjukkan jumlah responden yang berumur 30 hingga 40 tahun seramai 3 orang dengan nilai peratusan sebanyak 5.8%. Diikuti dengan responden yang berumur 41 hingga 50 tahun seramai 26 orang dengan nilai peratusan sebanyak 50.0%. Responden yang berumur 51 hingga 60 tahun pula seramai 17 orang dengan nilai peratusan sebanyak 32.7 dan responden yang berumur 61 tahun ke atas seramai 7 orang mewakili 13.5%.



Rajah 3: Umur Responden

#### Jenis Pekerjaan


Jadual 1 menunjukkan jenis pekerjaan empat generasi datuk, bapa, responden dan anak. Secara keseluruhan kajian ini mendapati jenis pekerjaan datuk yang paling tinggi adalah pekerjaan sebagai nelayan, iaitu seramai 28 orang dengan nilai peratusan sebanyak 74 peratus. Seterusnya, bagi jenis pekerjaan bapa responden pula, kajian ini mendapati pekerjaan yang paling tinggi adalah pekerjaan nelayan iaitu 76 peratus dengan peningkatan sebanyak 2 peratus daripada datuk. Sementara itu bagi jenis pekerjaan responden pula, kajian ini mendapati terdapat peningkatan bagi nilai peratus pekerjaan nelayan iaitu sebanyak 7 peratus dengan nilai peratus adalah 84 peratus dan nilai kekerapan 43 orang. Sebaliknya bagi jenis pekerjaan anak responden pula, pekerjaan yang paling tinggi adalah pekerjaan kilang dengan nilai peratusan sebanyak 30 peratus dan nilai kekerapan 13 orang.

**Jadual 1: Jenis Pekerjaan Empat Generasi**

<b>Jenis Pekerjaan</b>	<b>Peratus dan Kekerapan</b>	<b>Datuk</b>	<b>Bapa</b>	<b>Responden</b>	<b>Anak</b>
Nelayan	74 (28)	76 (35)		83 (43)	14 (6)
Peneroka	8 (3)	8 (3)		X	X
Kerja Kampung	5 (2)	2 (1)		X	X
Penoreh Getah	5 (2)	2 (1)		X	X
Penternak	3 (1)	4 (2)		6 (3)	2 (1)
Kelasi Kapal	3 (1)	2 (1)		X	X
Petani	3 (1)	X		X	X
Pemandu Lori	X	2 (1)		X	X
Peniaga	X	2 (1)		6 (3)	5 (2)
Kilang	X	2 (1)		2 (1)	30 (13)
Pembantu Hospital	X	X		2 (1)	X
Tukang Sapu	X	X		2 (1)	X
Pembantu Kedai	X	X		X	2 (1)
Awak-awak	X	X		X	2 (1)
Juru Ukur	X	X		X	2 (1)
Guru	X	X		X	14 (6)
Agen Insurans	X	X		X	2 (1)
Pembantu Perubatan	X	X		X	2 (1)
Kerani	X	X		X	12 (5)
Juruwang	X	X		X	2 (1)
Tentera	X	X		X	2 (1)
Akauntan	X	X		X	2 (1)
Polis	X	X		X	2 (1)


***Mobiliti Sosial******Mobiliti Sosial Pendidikan Empat Generasi***

Rajah 4, menunjukkan peratusan mobiliti sosial pendidikan dari empat generasi responden, iaitu datuk, bapa, responden dan anak responden. Secara umum dapatan ini menunjukkan berlaku pola perubahan yang ketara antara keempat-empat generasi, iaitu datuk, bapa, responden dan anak responden. Secara relatifnya perubahan pola yang ditunjukkan didapati datuk responden menunjukkan peratusan yang paling tinggi untuk tahap pendidikan bawah, iaitu sebanyak 100 peratus berbanding bapa responden yang hanya 64 peratus dan diikuti oleh responden dan anak responden, iaitu sebanyak 10 peratus dan 4 peratus. Selain itu, bagi tahap pendidikan menengah pula peratusan yang paling tinggi adalah responden, iaitu sebanyak 88 peratus dan diikuti oleh anak responden dan juga bapa, iaitu sebanyak 44 peratus dan 36 peratus. Manakala untuk tahap pendidikan menengah datuk pula tiada peratusan yang dicatatkan. Seterusnya bagi tahap pendidikan atas didominasi oleh anak responden, iaitu sebanyak 52 peratus berbanding 2 peratus bagi tahap pendidikan responden. Tiada peratusan bagi tahap pendidikan atas bapa dan datuk.

**Rajah 4: Mobiliti Sosial Pendidikan Empat Generasi (Peratus)**


#### *Mobiliti Sosial Pekerjaan Empat Generasi*

Rajah 5 menunjukkan mobiliti sosial mengikut pekerjaan empat generasi, iaitu datuk, bapa, responden dan anak responden. Secara keseluruhannya, terdapat perubahan pola yang ketara antara empat generasi untuk pekerjaan kelas bawah. Penglibatan dalam pekerjaan kelas bawah bagi datuk, bapa dan responden menunjukkan penurunan yang sedikit. Hal ini dapat dibuktikan sebanyak 100 peratus bagi datuk 94 peratus bapa dan 90 peratus bagi responden. Walau bagaimanapun pengkaji mendapati penglibatan pekerjaan kelas bawah semakin berkurang bagi anak responden. Hal ini dapat dibuktikan hanya sebanyak 26 peratus penglibatan anak responden dalam kelas pekerjaan bawah. Sementara itu, bagi pekerjaan kelas menengah pula, pengkaji mendapati anak responden lebih banyak terlibat dalam pekerjaan kelas menengah, iaitu sebanyak 67 peratus berbanding responden yang hanya 10 peratus sahaja. Manakala bagi pekerjaan kelas atas pula, hanya 5 peratus sahaja anak responden yang terlibat dalam pekerjaan atas.

**Rajah 5: Mobiliti Sosial Pekerjaan Empat Generasi (Peratus)**

### ***Mobiliti Sosial Pendapatan Purata Empat Generasi***

Rajah 6 menunjukkan pendapatan purata dari empat generasi, iaitu datuk, bapa, responden dan anak responden. Secara umum dapatan ini menunjukkan berlaku pola perubahan yang ketara antara keempat-empat generasi. Secara relatifnya pola mobiliti sosial purata pendapatan yang paling ketara ditunjukkan oleh bapa, iaitu sebanyak RM 710 daripada RM 759 kepada RM 1469. Sementara itu, bagi purata pendapatan anak juga menunjukkan peningkatan sebanyak RM 388 daripada RM1469 kepada RM 1857. Pola mobiliti sosial antara empat generasi ini berubah secara menegak positif daripada datuk responden hingga anak responden.



**Rajah 6: Mobiliti Sosial Pendapatan Purata Empat Generasi (Peratus)**

### ***Pola Kualiti Hidup Komuniti Nelayan***

Berasaskan kepada model Kualiti hidup oleh Azahan Awang (2006) beberapa dimensi kualiti hidup telah diukur untuk melihat kualiti hidup komuniti nelayan di Pulau Aman antaranya aspek persekitaran pekerjaan, alam sekitar, perumahan, pendapatan, pendidikan, kesihatan, penyertaan sosial, kehidupan keluarga, kemudahan pengangkutan dan keselamatan awam. Dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa aspek persekitaran pekerjaan, kekeluargaan, alam sekitar, perumahan dan kesihatan menunjukkan dapatan yang baik, iaitu berada di atas nilai 4.0 yang menggambarkan tahap nilai min yang baik. Aspek yang perlu diberikan perhatian secara mendalam adalah aspek keselamatan awam, pendapatan, kemudahan pengangkutan dan Pendidikan merupakan perkara yang perlu diberikan perhatian dalam masyarakat di Pulau Aman.

**Jadual 2: Pola Kualiti Hidup Ikut Dimensi**

Dimensi	Min
Persekitaran Pekerjaan	4.58
Alam Sekitar	4.18
Perumahan	4.12
Pendapatan	3.83
Pendidikan	3.59
Kesihatan	4.06
Penyertaan Sosial	3.97
Kekeluargaan	4.37

Kemudahan Pengangkutan	3.89
Keselamatan Awam	2.72

## Perbincangan

### *Mobiliti Sosial Dalam Komuniti Nelayan*

Perubahan dari aspek pekerjaan, pendapatan antara generasi dapat dilihat antara komuniti, iaitu datuk, bapa, responden dan anak responden. Kajian dalam aspek pekerjaan mendapati bahawa hampir keseluruhan responden mewarisi pekerjaan sebagai nelayan daripada bapa dan datuk mereka, namun begitu, bagi anak-anak responden pula, pengkaji mendapati corak pekerjaan mereka telah berubah daripada bapa mereka, iaitu daripada bekerja sebagai nelayan kepada pekerjaan di dalam sektor perkilangan dan sektor-sektor yang lain. Bagi datuk, bapa dan responden, didapati mengalami mobiliti sosial mendatar kerana majoriti daripada mereka masih bekerja sebagai nelayan. Walau bagaimanapun, bagi anak-anak nelayan pula mereka sudah mengalami mobiliti sosial menegak positif. Mereka sudah mengalami perubahan kelas pekerjaan daripada pekerjaan nelayan oleh bapa mereka yang diklasifikasikan kelas rendah kepada pekerjaan yang lebih baik berbanding bapa mereka.

Daripada aspek pendapatan, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan pendapatan yang ditunjukkan, iaitu daripada datuk, bapa, responden dan anak responden. Berdasarkan pendapatan sebulan nelayan, iaitu anggaran RM 700 hingga RM 1000. Dapatkan kajian ini menunjukkan terdapat peningkatan jumlah pendapatan setiap generasi, iaitu daripada datuk responden, bapa responden, responden dan anak responden. Peningkatan jumlah pendapatan ini menunjukkan bahawa setiap generasi tidak lagi berada di tumpuk yang sama. Terutamanya bagi anak responden, mereka dilihat sudah mula sedar kepentingan mencari jalan untuk memperoleh pendapatan yang lebih tinggi berbanding generasi yang terdahulu kerana tidak lagi mahu hidup susah.

Berdasarkan tahap pendidikan pula, dapatkan kajian menunjukkan terdapat perubahan mobiliti sosial menegak positif apabila peratusan setiap tahap pendidikan bawah menengah dan atas mengalami peningkatan. Yang paling ketara dapat dilihat perubahan yang berlaku kepada anak responden dimana mereka dapat melanjutkan pengajian sehingga peringkat atas, berbanding datuk dan bapa mereka. Hal ini kerana, telah banyak kemudahan dan bantuan seperti biasiswa dan pinjaman pengajian bagi mereka yang berminat untuk melanjutkan pelajaran, berbanding dahulu kemudahan dan peluang untuk melanjutkan pelajaran amat terhad. Dapatkan ini telah membuktikan bahawa generasi muda yang terdiri daripada anak-anak responden telah mengalami perubahan yang besar dalam aspek pendidikan berbanding generasi-generasi sebelumnya, iaitu datuk dan responden itu sendiri.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Nor Hayati Sa'at, Ibrahim Mamat dan Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang (2017), mobiliti sosial melalui jenis pekerjaan juga telah berubah, iaitu pekerjaan sebagai nelayan untuk sumber pendapatan ekonomi utama telah beransur-ansur kurang menarik minat generasi muda. Kebanyakan generasi muda lebih berminat bekerja di darat berbanding menjadikan lautan sebagai sumber rezeki. Keadaan komuniti semakin terbuka memungkinkan berlakunya mobiliti sosial dalam kalangan generasi muda. Transformasi komuniti muara berdasarkan kepada aspek pendidikan dialami oleh empat generasi dikaji sama ada generasi datuk, bapa, responden dan anak. Bermula pada zaman sebelum merdeka, pasca

merdeka dan menjelang abad ke-21 ‘tangga’ mobiliti berdasarkan tahap pendidikan semakin diakui kepentingannya oleh komuniti muara sebagai syarat utama untuk mengecapi kehidupan yang lebih baik. Keadaan ini sama dengan hasil dapatan yang diperolehi pengkaji, yang mana pengkaji mendapati telah berlaku perubahan dalam komuniti nelayan di Pulau Aman. Hampir 50 peratus anak-anak nelayan ini telah berjaya melanjutkan pelajaran sehingga tahap pendidikan tertinggi berbanding responden sendiri yang hanya 2 peratus sahaja mendapat pendidikan sehingga tahap tertinggi. Perubahan yang besar ini membuktikan bahawa kesedaran terhadap pendidikan telah berlaku dalam komuniti nelayan di Pulau Aman, Pulau Pinang.

### **Kualiti Hidup Komuniti Nelayan Pulau Aman, Pulau Pinang**

Secara keseluruhan, dapatan ini mendapati bahawa kualiti hidup masyarakat nelayan di Pulau Aman dari segi pendapatan, kemudahan kesihatan, kemudahan pendidikan penyertaan sosial masyarakat, jaringan pengangkutan dan perhubungan juga menunjukkan peningkatan yang lebih baik berbanding dahulu. Hasil dapatan membuktikan bahawa komuniti nelayan di Pulau Aman dapat menjalani kehidupan mereka dengan baik. Dapatan kajian juga menunjukkan rata-rata responden berpuas hati dengan persekitaran pekerjaan mereka. Mereka dapat menjalani pekerjaan harian dengan baik tanpa gangguan. Selain itu, mereka juga berpuas hati dengan keadaan alam sekitar di tempat mereka. Manakala dari segi perumahan mereka pula, terdapat kemudahan yang telah disediakan seperti kedai runcit bagi memudahkan nelayan menjalankan aktiviti sosial dan aktiviti-aktiviti sampingan yang lain. Seterusnya dari segi pendapatan pula, pendapatan bulanan responden adalah mencukupi. Mereka dapat merancang kewangan dengan baik. Manakala daripada dimensi pendidikan pula, pengkaji mendapati kemudahan internet kurang memuaskan penduduk di Kampung Pulau Aman, hasil dapatan menunjukkan majoriti responden kurang bersetuju bahawa kemudahan internet senang diakses.

Seterusnya, daripada dimensi kesihatan pula, penduduk di Pulau Aman mudah untuk mengakses kepada kemudahan perubatan. Selain itu, bagi penyertaan sosial pula, dapat dirumuskan bahawa komuniti nelayan di Pulau Aman amat memberi sokongan terhadap aktiviti berbentuk politik dan sosial yang dijalankan di kampung mereka. Peratusan yang tinggi membuktikan bahawa penduduk kampung Pulau Aman memberikan kerjasama yang baik terhadap program-program yang dijalankan di kampung mereka. Daripada dimensi kehidupan keluarga juga menunjukkan peratusan yang tinggi daripada responden. Hal ini menunjukkan bahawa responden banyak melakukan aktiviti bersama keluarga, dan lebih mengutamakan keluarga dalam semua hal.

Sementara itu, dimensi pengangkutan dan perhubungan juga menunjukkan kualiti hidup komuniti nelayan di Pulau Aman sangat baik, kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan dapat dinikmati oleh penduduk kampung sekaligus memberikan keselesaan kepada masyarakat di Pulau Aman. Akhir sekali dalam aspek keselamatan awam, dapat disimpulkan bahawa keselamatan di kampung Pulau Aman terjamin dan selamat daripada sebarang masalah sosial. Hal ini kerana, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kes seperti kecurian, kes jenayah masalah sosial yang lain kurang berlaku di kawasan kampung mereka. Di samping itu juga, terdapat beberapa cadangan yang diberikan responden bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat nelayan antaranya dengan menyediakan bantuan-bantuan seperti peralatan pukat, jala dan peruntukan kewangan bagi memudahkan pekerjaan mereka. Selain itu, masyarakat nelayan juga mencadangkan agar tukun tiruan dapat diberikan sebagai bantuan kepada mereka. Hal ini kerana ekoran daripada pembangunan yang dilaksanakan di Jambatan Kedua Pulau Pinang, sedikit sebanyak telah memberi impak negatif kepada aktiviti penangkapan ikan

mereka, dengan adanya tukun tiruan itu, dapat membantu proses pembiakan ikan di kawasan tempat mereka menangkap ikan.

## Rumusan

Melalui dapatan ini menjelaskan bahawa pengaruh pmodenan telah mempengaruhi masyarakat pulau itu sendiri termasuklah masyarakat Melayu di Pualu Aman. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi didapati bahawa kehidupan masyarakat Melayu nelayan di Pulau Aman telah berubah dari segi pendidikan, pekerjaan, dan kemudahan infrastruktur disebabkan oleh pengaruh pmodenan.

Dimensi pendidikan merupakan satu elemen yang penting dalam membangunkan sesebuah negara. Pendidikan juga dapat mengubah kehidupan seseorang menjadi lebih baik. Hasil kajian mendapati komuniti nelayan di Pulau Aman tidak terkecuali dalam mendapatkan pendidikan yang lebih baik. Selaras dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu mewajibkan pendidikan untuk semua, komuniti nelayan di Pulau Aman kini dilihat lebih ramai berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini dapat dibuktikan dalam dapatan kajian dimana dahulu datuk responden hanya melanjutkan pelajaran di peringkat bawah sahaja, berbanding anak respon yang lebih ramai melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah dan atas. Hal ini disebabkan oleh terdapat kemudahan seperti sekolah yang disediakan berdekatan dengan tempat tinggal mereka. Dengan adanya kemudahan ini masyarakat khususnya komuniti nelayan di Pulau Aman lebih mudah mendapat akses kemudahan pendidikan yang telah disediakan.

Seterusnya dalam bidang pekerjaan pula, komuniti nelayan di Pulau Aman kini dilihat telah berubah daripada masyarakat nelayan tradisional berubah kepada masyarakat yang lebih moden. Selain itu, jika dahulu komuniti nelayan Pulau Aman menjadikan pekerjaan nelayan sebagai sumber pendapatan utama mereka, namun pada hari ini pengkaji mendapati komuniti nelayan di Pulau Aman telah melakukan pelbagai jenis pekerjaan dan tidak hanya bergantung kepada satu jenis pekerjaan sahaja bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka. Jika dahulu komuniti nelayan di Pulau Aman ini lebih selesa melakukan pekerjaan sebagai nelayan namun kini generasi muda dilihat kurang berminat untuk bekerja sebagai nelayan. Hasil dapatan menunjukkan responden yang bekerja sebagai nelayan adalah sebanyak 83 peratus namun untuk generasi anak responden peratusan itu telah berkurang kepada 14 peratus sahaja. Anak responden didapati lebih ramai bekerja di sektor perkilangan. Pembangunan yang dilaksanakan di negara ini telah mempengaruhi generasi muda untuk turut terlibat dalam membangunkan negara.

Seiring dengan kemajuan dan pembangunan negara, masyarakat nelayan di Pulau Aman kini dilihat lebih selesa menjalani kehidupan di sana. Kemudahan infrastruktur yang disediakan telah membantu masyarakat nelayan memperoleh kehidupan yang lebih baik. Dengan adanya pembinaan jalan yang selesa, kemudahan masjid, dewan serbaguna, kemudahan jeti, kemudahan kesihatan, kemudahan pengangkutan dan perhubungan yang disediakan komuniti nelayan Pulau Aman dapat menikmati pembangunan ini tanpa rasa dipinggirkan. Dapatan kajian menunjukkan lebih 65 peratus responden yang selesa dengan kemudahan kesihatan dan pengangkutan yang mereka nikmati pada masa kini.

## Rujukan

- Abdul Malik Ismail, Chamhuri Siwar, Basri Abdul Talib dan Nik Hashim Mustapha. (1996). *Kemiskinan Nelayan di Kawasan Pembangunan Nelayan, Pantai Timur Semenanjung*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Shukri Mohd. Nain (2003). *Konsep, teori, dimesi dan isu pembangunan Skudai*: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Asmah Ahmad. (2006). *Kualiti Hidup dan Pengurusan persekitaran di Malaysia*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Persekitaran 2005. Hlm. 3-14. Program Pengurusan Persekitaran, Pusat Pengajian Siswazah UKM.
- Asruari Misda. (2007). *Konflik Nelayan di Pulau Bengkalis, Riau, Indonesia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azahan Awang. (2006). Kualiti Hidup Masyarakat Bandar di Kawasan Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan. Tesis Dr. Falsafah, Program Pengurusan Persekitaran, Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Azibah Ismail. (1997). *Peranan FELDA dalam Meningkatkan Taraf Sosioekonomi Penduduk Luar Bandar. Kajian Kes di FELDA Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berger-Schmidt, R. (1998). *System of social indicators and social reporting: The state of the art*. Mannheim: Centre for Survey Research and Methodology (ZUMA).
- Dara Aisyah. (2012). *Pembangunan komuniti Nelayan dan sumber perikanan Kuala Terengganu*: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Everhart, W. Henry dan Youngs, William D. (1992). *Prinsip Sains Perikanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Firth, R. (1990). *Nelayan Melayu: Ekonomi Tani Mereka* (Terjemah Yaacob Harun dan Noor Hasnah Moin). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ghazali Basri & Mohd Puad Zakashi. (1992). Islam dan Pembangunan Desa di Malaysia dengan tumpuan terhadap Kaum Nelayan. Dalam Nazaruddin Mohd Jali. *Isu-isu Pembangunan Luar Bandar di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gusni Saat. (2003). Identity and Social Mobility of Sama-Bajau. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 21(1), 3-11.
- Harisson, D. 1988. Competing theoretical perspectives on development and underdevelopment: a recent intellectual history. *Politics* 13(5), 26-41.
- Haryati Shafii. (2010). *Tempat Tinggal dan Kualiti Hidup Masyarakat*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- <http://www.lkim.gov.my/en/lkim-state-office/>. 20/3/2019
- <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/pulau-aman-dan-masa-depannya>. 2/4/2019.
- Ishak Shaari. (1990). *Ekonomi Nelayan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jalihah Md. Shah, Nor Hafizah Selamat. (2015). *Strategi Kelangsungan Aktiviti Perikanan Nelayan Bandar di Pulau Gaya Kota Kinabalu Sabah*. *International Journal of Environment, Society and Space*, 3(2), 22-31.
- Jasbir Sarjit Singh. (1980). Pendidikan Tinggi dan Mobicliti Sosial: Peranan Universiti Malaya. *Southeast Asian Journal of Social Science*, Vol. 8, No. 1/2 (1990), 55-63.
- Lucinda Platt. (2005). The Intergenerational Social Mobility of Minority Ethnic Group Sociology, Vol. 39, No. 3 (JULY 2005), 445-461.
- Lukman Z. Mohammad et al. (2002). *Impak Pembangunan Kualiti Hidup dan Persekutaran*. Terbitan Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

- Mohammad Raduan Mohd Ariff. (2005). *Pembangunan Perusahaan Perikanan Di Semenanjung Malaysia: Umpam Habis Ikan Tak Dapat*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Noor Mohd Shariff, Jamal Ali dan Badruddin A. Rahman. (2007). *Kajian Pembangunan Usahawan di Sektor Perikanan Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Raduan Mohd Ariff. (1998). *Perusahaan Perikanan di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Nor Aini Haji Idris. (2004). *Mobiliti Sosial di Kalangan Generasi Kedua FELDA*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hayati Sa'at, Ibrahim Mamat & Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang. (2007). Pola Perubahan Sosiobudaya dan Mobiliti sosial dalam kalangan komuniti muara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *Akademika*: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Najmin Naja Zamri & Azlina Abdullah. (2021). Kesejahteraan Sosio-ekonomi Komuniti Nelayan di Endau, Mersing, Johor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6 (7), 199-207.
- Raudzoh Ismail. (2017). *Kualiti Hidup Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik*. Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohana Yusof. (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Shah Alam: PTS Publication and Distribtors Sdn. Bhd.
- Rashid, M.F.A., & Ghani, I.A. (2007). Migrasi dan kemiskinan bandar: Satu kajian literatur. Seminar Kebangsaan Pembangunan Persekutaran & Masyarakat 2007, Pulau Pinang.
- Salmi Mahidi. (2007). *Komuniti Nelayan di Kampung Paloh: Satu Kajian Mengenai Konflik*. Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hashim Wan The. (1980). *Komuniti Nelayan di Pulau Pangkor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Ibrahim Mamat & Abdul Majid Mohd Isa. (2009). "Faktor Peramal Minat Belia Untuk Menjadi Nelayan: Satu Kajian di Mukim Kuala Besut Terengganu". *Akademika*: Universiti Malaysia Terengganu.
- Wasana Peng @ Per Pang. (1996). *Pembangunan Perikan di Tumpat, Kelantan*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yaakob Harun & Noor Hasnah Moin (Terjemahan). (1990). *Nelayan Melayu: Ekonomi Tani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal AM & Mohamad Rezal H (2006). Kajian peranan mikro kredit dalam meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti tani di Malaysia. Laporan kajian yang tidak diterbitkan. Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (PEKKA), Universiti Putra Malaysia.